KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## SELASA, 6 JUN 2023

## LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:
*World Communications*

JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

MALAYSIA MADANI

www.kpwkm.gov.my kpwkm

6/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **5 TERMASUK KANAK-KANAK 2 TAHUN MAUT KEMALANGAN DI SIBU** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/5-termasuk-kanakkanak-2-tahun-maut-kemalangan-di-sibu-422572 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/06/1110589/5-termasuk-kanak-kanak-2-tahun-maut-kemalangan-di-sibu | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=N5gzzs58cEs&ab_channel=SuaraSarawak | YOUTUBE |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/kanak-kanak-dua-tahun-tertelan-cecair-vape-kini-stabil/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/5-termasuk-kanakkanak-2-tahun-maut-kemalangan-di-sibu-422572 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **PUNGGUNG KANAK-KANAK TERCUCUK BESI PAGAR 15 SENTIMETER** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/05/punggung-kanak-kanak-tercucuk-besi-pagar-15-sentimeter/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/261932/berita/semasa/kanak-kanak-tahan-sakit-besi-pagar-tertusuk-punggung | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/punggung-kanakkanak-tercucuk-besi-pagar-rumah-422606 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **KES HFMD DI JOHOR MENINGKAT 1.3 KALI GANDA** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/974319/kes-hfmd-di-johor-meningkat-13-kali-ganda | HMETRO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/05/kes-hfmd-di-johor-meningkat/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.malaysiadateline.com/anak-amyra-rosli-dijangkiti-hfmd-nasihat-ibu-bapa-alert-jika-anak-demam/ | MALAYSIADATELINE.COM |

JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

MALAYSIA MADANI

www.kpwkm.gov.my kpwkm

6/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **CURI RANTAI \| WANITA 6 REKOD JENAYAH LAMPAU DIBERKAS POLIS** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=FShRPEe3AjI&ab_channel=BuletinTV3 | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=eLzOilnBCBc&ab_channel=BuletinTV3 | YOUTUBE |
| | https://www.malaysiadateline.com/sekelip-mata-hilang-wanita-selamba-curi-rantai-emas-budak-di-jom-heboh-depan-orang-ramai/ | MALAYSIADATELINE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **KANAK-KANAK TERSEDUT CECAIR VAPE DISYAKI KERACUNAN NIKOTIN AKUT** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1110710/kanak-kanak-tersedut-cecair-vape-disyaki-keracunan-nikotin-akut | BHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/06/kanak-kanak-2-tahun-keracunan-nikotin-akibat-tersedut-vape-kini-stabil/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/974468/budak-dua-tahun-dipercayai-keracunan-nikotin-akut | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **MAYAT LELAKI CUBA SELAMATKAN KANAK-KANAK DI PANTAI BAGAN LALANG DITEMUI TERAPUNG** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mayat-lelaki-cuba-selamatkan-kanakkanak-di-pantai-bagan-lalang-ditemui-terapung-422543 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=WGO8rk9apMw&ab_channel=AstroAWANI | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **ROZILAN ZIARAH KASIH IBU TUNGGAL TERLANTAR AKIBAT ANGIN AHMAR** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/06/rozilan-ziarah-kasih-ibu-tunggal-terlantar-akibat-angin-ahmar/ | UTUSAN.COM.MY |

6/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **TARIK MINAT KANAK-KANAK MEMBACA DENGAN KREATIF** | |
| | https://suarasarawak.my/tarik-minat-kanak-kanak-membaca-dengan-kreatif/ | SUARASARAWAK.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **YBR SUMBANG RM35,000 BANTU TERAPI KANAK-KANAK AUTISME** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1110637/ybr-sumbang-rm35000-bantu-terapi-kanak-kanak-autisme | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **ANAK ABAI IBU BAPA WAJAR MASUK PENJARA, DIDENDA** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/05/anak-abai-orang-tua-wajar-dijel-denda/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **TUKANG CUCI CABUL REMAJA LELAKI 15 TAHUN DITAHAN** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1110644/tukang-cuci-cabul-remaja-lelaki-15-tahun-ditahan | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **PEMAIN KRIKET WANITA TAGIH PENDEDAHAN ANTARABANGSA** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemain-kriket-wanita-tagih-pendedahan-antarabangsa-422468 | ASTROAWANI.COM |

6/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **PENCARIAN WANITA ANGGUN UNTUK DINOBAT SEBAGAI MRS MALAYSIA WORLD 2023 BERMULA** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pencarian-wanita-anggun-untuk-dinobat-sebagai-mrs-malaysia-world-2023-bermula-422587 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **WANITA TRAUMA RANTAI LEHER EMAS DIRAGUT** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/05/wanita-trauma-rantai-leher-emas-diragut/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **GADIS KAMPUS: NOR FARAH SRIKANDI SILAT NEGARA** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/05/gadis-kampus-nor-farah-srikandi-silat-negara/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **SARANAN PM DIDIK PELAJAR JAGA KEBERSIHAN TANDAS SEKOLAH MENDAPAT REAKSI POSITIF IBU BAPA** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/06/05/saranan-pm-didik-pelajar-jaga-kebersihan-tandas-sekolah-mendapat-reaksi-positif-ibu-bapa | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **DIDIKAN KELUARGA PUNCA NADHRAH PANDAI MENGAJI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/974394/didikan-keluarga-punca-nadhrah-pandai-mengaji | HMETRO.COM.MY |

6/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **PELAJAR BOLEH BELI ROKOK RM1 SEBATANG DI KEDAI TEPI JALAN – CAP** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/pelajar-boleh-beli-rokok-rm1-sebatang-di-kedai-tepi-jalan-cap/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **GIVING ‘MOMPRENEURS’ A BOOST** | |
| | https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2023/06/05/giving-mompreneurs-a-boost | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **THE INTERACTIVE EDUTAINMENT PROGRAMME DEDAH GAYA HIDUP SIHAT** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/261888/edisi/utara/the-interactive-edutainment-programme-dedah-gaya-hidup-sihat | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **BOMBA SELAMATKAN TIGA BERANAK SESAT DI GUNUNG LAMBAK** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/261833/berita/semasa/bomba-selamatkan-tiga-beranak-sesat-di-gunung-lambak | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **SKUAD HOKI REMAJA WANITA NEGARA AKUR KEKUATAN INDIA** | |
| | https://www.utusan.com.my/sukan/2023/06/skuad-hoki-remaja-wanita-negara-akur-kekuatan-india/ | UTUSAN.COM.MY |

6/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **TAKDIR OPAN LUMPUH SEUMUR HIDUP, LAHIR TANPA TULANG PUNGGUNG** | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/06/974357/takdir-opan-lumpuh-seumur-hidup-lahir-tanpa-tulang-punggung | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **OPERASI SAR KESAN KANAK-KANAK DIKHUATIRI LEMAS BERSAMBUNG ESOK** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/261921/berita/semasa/operasi-sar-kesan-kanak-kanak-dikhuatiri-lemas-bersambung-esok | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/261826/berita/semasa/ppda-mulakan-selaman-cari-kanak-kanak-dikhuatiri-lemas | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/05/operasi-mencari-kanak-kanak-dikhuatiri-lemas-ditangguhkan/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/operasi-cari-kanak-kanak-lemas-fokus-di-kawasan-perangkap-sampah/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | **BANTUAN KHAS IBU TUNGGAL NEGERI MELAKA 2022 PPWN** | |
| | https://akak.my/ibu-tunggal-melaka-2022/ | AKAK.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BUDAK DUA TAHUN ANTARA 5 MAUT KEMALANGAN DI SIBU | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 06 JUN 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Budak dua tahun antara 5 maut kemalangan di Sibu

## Lima lagi turut cedera dalam nahas babit dua kenderaan

Oleh Erika George
bhnews@bh.com.my

**Selangau:** Kanak-kanak lelaki berusia dua tahun antara lima yang maut, manakala lima lagi cedera dalam kemalangan yang membabitkan dua kereta di Jalan Kampung Tamin, Batu 40 Jalan Sibu-Bintulu, semalam.

Menurut Jurucakap Pusat Gerakan Operasi Bomba Negeri Sarawak, mangsa maut yang menaiki kereta model Perodua Myvi dikenali sebagai Allesandro Collin Stewart, 2 dan Alicesha Bathrish Langi, 24.

Beliau berkata, tiga lagi mangsa yang turut terkorban di lokasi kejadian adalah penumpang kereta Kia Sportage dikenali sebagai Marcos Marican, 26, Marican@Langkan Legi, 61, dan seorang lagi lelaki yang belum dapat dikenal pasti identiti.

"Lima lagi mangsa mengalami kecederaan, termasuk seorang daripadanya dilaporkan parah," katanya dalam satu kenyataan media semalam.

### Mangsa wanita tersepit

Beliau berkata, sepasukan anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Selangau dengan bantuan BBP Sungai Merah bergegas ke lokasi kejadian sejurus menerima panggilan kecemasan pada jam 10.09 pagi.

Sejurus sampai di lokasi kemalangan, katanya, pasukan bomba bertindak mengeluarkan seorang mangsa wanita yang masih tersepit dalam kereta Perodua Myvi.

"Pemeriksaan yang dijalankan oleh pasukan Kementerian Kesihatan (KKM) ke atas mangsa mengesahkannya sudah meninggal dunia.

"Seorang lagi kanak-kanak lelaki berusia dua tahun juga dilaporkan mengalami kecederaan parah dan dikejarkan ke Klinik Kesihatan Selangau, namun disahkan meninggal dunia ketika diberikan rawatan di klinik terbabit," katanya.



*Anggota bomba mengeluarkan mayat mangsa nahas di Jalan Kampung Tamin, Batu 40 Jalan Sibu-Bintulu, semalam.* (Foto ihsan PGO Sarawak)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI CUBA SELAMATKAN DUA BERADIK LEMAS DITEMUI TERAPUNG | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 06 JUN 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lelaki cuba selamatkan dua beradik lemas ditemui terapung

## Mayat mangsa dijumpai pada jarak 500 meter dari lokasi kejadian

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Mayat lelaki yang dilaporkan hilang ketika cuba menyelamatkan dua beradik perempuan yang lemas di Pantai Bagan Lalang, di sini, ditemui, semalam.

Penolong Penguasa Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sepang, Mohd Bukhari Md Shahar berkata, mangsa Mohd Faizal Mahasan, 30, ditemui kira-kira jam 9.35 pagi.

"Mayat mangsa ditemui pada jarak kira-kira 500 meter dari lokasi kejadian.

"Mayat mangsa kemudian dihantar ke Hospital Serdang untuk tindakan lanjut," katanya ketika dihubungi, semalam.

### Bercuti bersama isteri

Kelmarin, media melaporkan dua beradik perempuan meninggal dunia akibat lemas ketika berkelah di Pantai Bagan Lalang.

Dalam kejadian itu, dua beradik perempuan mangsa lemas dikenali Asya Tasnim Muhammad Zafifi, 9, dan adiknya, Aris Noraini, 7, disahkan meninggal dunia.

Mohd Faizal yang lemas pula berasal dari Puchong Perdana datang bercuti ke pantai itu bersama isteri, Nur Fatihah Mohamad Yusoff, 26.

Operasi mencari dan menyelamat disertai bomba, polis, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Skuad Pantas Majlis Perbandaran Sepang.

Dalam kejadian itu, katanya, mangsa dua kanak-kanak itu ditemui 50 meter dari lokasi mereka dilaporkan lemas dan disahkan meninggal dunia oleh pihak Kementerian Kesihatan (KKM).




*Anggota bomba mengusung mayat lelaki yang ditemukan di Pantai Bagan Lalang, semalam.* (Foto ihsan PDRM)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SEMUA PIHAK PERLI BERGANDING BAHU LINDUNGI HAK ASASI WANITA | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 06 JUN 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Semua pihak perlu berganding bahu lindungi hak asasi wanita

**NurAliah Farhana Mohd Shah,**
Universiti Pendidikan Sultan Idris

**Isu** hak wanita selalu menjadi perkara yang kontroversi setiap kali ia diperkatakan. Ramai pihak melihat apabila sesebuah kelompok atau institusi menyuarakan hal berkaitan wanita, ia dilihat sebagai usaha untuk menentang atau mengatasi lelaki.

Pandangan itu tidak tepat kerana secara jelas setiap lapisan masyarakat, termasuk kanak-kanak, orang muda, warga emas dan orang kurang upaya wajar mendapatkan hak mereka yang sebenarnya.

Definisi hak asasi boleh diklasifikasikan sebagai hak yang dipunyai oleh seseorang individu ke atas kapasiti sebagai manusia dan meliputi pelbagai skop kehidupan seperti bersuara, mendengar, mendapatkan keamanan, kebebasan untuk bergerak dan sebagainya.

Kesepakatan Hak Asasi Antarabangsa sudah menubuhkan satu konvensyen bagi melindungi dan mencapai hak wanita dikenali sebagai Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita atau CEDAW.

Konvensyen ini menumpukan mengenai penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap perempuan serta pembabitan mereka sebagai pemimpin dalam pelbagai bidang, termasuk politik.

Sebagai sebuah negara, Malaysia mengiktiraf CEDAW dan mengadaptasinya dalam undang-undang sebagai usaha membela dan memartabat hak wanita.

## Pandang rendah hak wanita

Bagaimanapun, hal ini tidak begitu menyeluruh apabila masih terdapat sesetengah pihak yang masih memandang rendah kepada hak wanita. Hal ini menyaksikan terdapat segelintir wanita tertindas dari segi kebajikan, kenaikan pangkat, malah turut menjadi mangsa, misalnya dalam kes gangguan seksual dan diskriminasi di tempat kerja.

Kajian yang dilakukan Pertubuhan Ikatan Wanita Antarabangsa bagi Institusi Keluarga dan Pendidikan Berkualiti (WAFIQ) mendapati setiap wanita yang ditemui mengakui pernah didiskriminasi dari sudut agama, misalnya sukar mendapat kebenaran menunaikan solat, kekurangan atau tiada ruang solat dan tidak dibenar bertudung ketika bekerja.

Kajian itu yang membabitkan seramai 405 responden berusia 18 hingga 59 tahun juga mendapati separuh daripada responden juga pernah menjadi mangsa kepada gangguan seksual.

Sebanyak 32.6 peratus pula pernah mengalami gangguan seksual dalam bentuk sentuhan badan yang sengaja dan tidak disenangi. Dari jumlah itu 73.2 peratus mengaku mengalaminya lebih daripada sekali.

Dapatan ini agak mengecewakan dan seharusnya setiap pihak berganding bahu bagi menangani keadaan ini. Wanita seharusnya dipandang dengan rasa hormat kerana mereka bukan hanya pekerja, tetapi anak perempuan, kakak, adik atau ibu seseorang, malah lebih utama seorang manusia.



*Kajian WAFIQ mendapati separuh daripada 405 responden pernah menjadi mangsa gangguan seksual.* (Foto hiasan)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SISTEM PRASEKOLAH PERLU DISELARAS, DISERAGAMKAN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 06 JUN 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Sistem prasekolah perlu diselaras, diseragamkan

## Laporan Bank Dunia dapati kualiti pendidikan awal negara kurang memuaskan

**Oleh Essa Abu Yamin**
essabuyamin@bh.com



*Perbezaan kokurikulum setiap prasekolah antara isu perlu diberi perhatian.* (Foto hiasan)

**Kuala Lumpur:** Sistem prasekolah di Malaysia perlu diselaras dan diseragamkan susulan daripada laporan Bank Dunia mengenai kajian semula sistem pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia yang masih kurang memuaskan.

Setiausaha Kluster Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan Majlis Profesor Negara, Dr Anuar Ahmad, berkata kepelbagaian pentadbiran, pengurusan dan kokurikulum dari pihak swasta dan kerajaan juga menyumbang kepada kualiti prasekolah Malaysia yang disifatkan masih kurang memberangsangkan.

"Berdasarkan laporan yang dibuat oleh Bank Dunia itu, pihak mereka melihat Malaysia mempunyai sistem prasekolah yang agak pelbagai dan diuruskan oleh pelbagai pihak.

"Sebagai contoh di bawah kelolaan kerajaan terdapat prasekolah kendalian pelbagai kementerian pula seperti Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah Malaysia (KKDW) (Tabika Kemas) dan Kementerian Perpaduan (Tabika Perpaduan)," katanya kepada *BH*.

Katanya, perkara itu menunjukkan prasekolah memerlukan penyelarasan, bukan sahaja di peringkat pentadbiran dan pengurusan, malah kokurikulum juga dilihat berbeza di setiap sekolah.

"Sudah sampai masanya dapatan daripada Bank Dunia itu digunakan oleh kerajaan untuk kembali membangunkan sektor pendidikan prasekolah supaya ia lebih berkualiti, tersusun dan memastikan guru-guru mempunyai kelayakan sewajarnya untuk menjadi guru.

"Disarankan juga agar satu badan pemantau diwujudkan untuk memastikan kualiti prasekolah dalam negara diperbaiki," katanya.

### Beberapa isu perlu perhatian

Terdahulu, laporan Bank Dunia dalam kajian semula sistem pendidikan awal kanak-kanak Malaysia dikeluarkan 30 Mei lalu memaklumkan bahawa selepas 66 tahun merdeka, kualiti prasekolah Malaysia masih pada peringkat kurang memuaskan.

Hasil kajian itu juga menyenaraikan beberapa isu yang perlu diberi perhatian, antaranya kekurangan prasekolah di kawasan tertentu serta kurangnya kesedaran ibu bapa mengenai manfaat menghantar anak ke prasekolah.

Laporan berkenaan turut menyatakan isu yang perlu diberi perhatian adalah bebanan kos prasekolah, kualiti guru yang rendah dan pertindihan peranan antara kementerian dan agensi yang mengawasi Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (ECCE) di Malaysia.

Kajian berkenaan dijalankan dengan kerjasama KPM dan menjadi penilaian menyeluruh terhadap landskap pendidikan prasekolah semasa Malaysia bertujuan untuk mengenal pasti jurang antara sasaran dan aspirasi yang ditetapkan KPM dan kerajaan di bawah pelbagai dasar dan hasilnya setakat ini.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DIA JERIT 'AYANG' LALU TENGGELAM | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 06 JUN 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Dia jerit 'ayang' lalu tenggelam

## *Jasad lelaki maut ketika cuba selamat 2 beradik lemas di Pantai Bagan Lalang ditemui*

Oleh Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil
harisfadli@hmetro.com.my

**Sepang**

"Suami ajak *honeymoon* (bulan madu) sebelum dia lemas ketika cuba menyelamatkan dua kanak-kanak perempuan yang lemas di Sungai Sepang Kecil semalam (kelmarin)," kata Nur Fatihah Mohamad Yusoff.

Menurutnya yang berusia 26 tahun, sehari sebelum kejadian, suaminya, Mohd Faizal Mahasan, 30, mengajaknya berkelah sambil menikmati suasana matahari terbenam.

"Suami ajak saya untuk berjalan melihat *sunset* (matahari terbenam).

"Dia kata jom kita *honeymoon*. Malam itu juga dia beli tikar selain minta saya masak kuetiau goreng untuk juadah ketika berkelah.

"Keesokannya (hari kejadian), kami bertolak ke pantai Bagan Lalang dari Puchong Perdana dan sampai kira-kira jam 1 tengah hari. Sebelum itu, suami sempat menjamah kuetiau goreng yang diinginkannya," katanya kepada Harian Metro, semalam.

Untuk rekod, pasangan berkenaan berkahwin pada November tahun lalu.



DUA beradik, Asya Tasnim dan Aris Noraini lemas ketika mandi di pantai Bagan Lalang.

> *Dia kata jom kita honeymoon. Malam itu juga dia beli tikar selain minta saya masak kuetiau goreng untuk juadah ketika berkelah"*
>
> **Nur Fatihah Mohamad Yusoff**

Semalam, laporan muka depan Harian Metro memaparkan kisah dua beradik lemas ketika mandi di pantai Bagan Lalang.

Kedua-duanya dikenali sebagai Asya Tasnim Muhammad Zafifi, 9, dan Aris Noraini Muhammad Zafifi, 7.

Difahamkan, ketika kejadian, kedua-dua kanak-kanak terbabit dilihat terkapai-kapai sebelum diselamatkan orang awam dan diberi bantuan pernafasan kecemasan namun gagal diselamatkan.

Jasad kedua-dua kanak-kanak itu ditemui kira-kira 50 meter dari lokasi kejadian sebelum dibawa ke Hospital Serdang untuk bedah siasat.

Manakala Mohd Faizal yang juga individu yang cuba menyelamatkan mereka, hilang.

Operasi mencari dan menyelamat (SAR) kemudian menemukan jasad Mohd Faizal kira-kira 500 meter dari lokasi kejadian, jam 9.35 pagi semalam.

Mengimbau kejadian, Nur Fatihah berkata, semasa sedang berehat, suaminya mengajak untuk melihat orang ramai mencari kepah.

Mereka kemudiannya meredah selut sejauh kira-kira 100 meter dan berada berhampiran sekumpulan kanak-kanak yang sedang mandi-manda.

"Seketika kemudian, kami melihat dua pemancing melambai ke arah kami sambil mengatakan ada dua kanak-kanak lemas.

"Waktu itu, saya tersangkut dalam selut dan bila toleh ke belakang, saya dapati suami berlari sepantas mungkin sebelum terjun untuk mencapai dua kanak-kanak itu.

"Tidak lama kemudian, suami menjerit memanggil saya 'ayang' sebelum tenggelam," katanya.

Menurutnya, walaupun sedih dengan peristiwa itu namun dia reda dengan ketentuan Ilahi.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ERATNYA BAGAI EMAK & ANAK | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 06 JUN 2023 | M/SURAT | : | 17 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Eratnya bagai emak & anak

***Tosai, kari dal serta berkongsi WiFi menjadi pengikat kasih famili Darsenee, jiran Melayu***

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@mediaprima.com.my

**Kuala Lumpur**

Sikap toleransi dan hormat menghormati satu sama lain antara kunci hubungan keluarga R Darsenee dan jiran berbangsa Melayu mereka akrab bagaikan bersaudara.

Hubungan kekeluargaan mereka terserlah apabila tidak kekok bergaul dan berkongsi makanan, malah bermuafakat ketika menganjurkan majlis, kenduri mahupun sambutan perayaan masing-masing.

Terbaharu, jiran tetangga guru Bahasa Melayu sebuah sekolah di Segamat, Johor itu turut sama sibuk membantu membuat persiapan dan memeriahkan majlis pertunangannya, 27 Mei lalu.

Menurut Darsenee, 26, keluarganya dan jiran tetangga, terutama keluarga Zaini Zakaria, 48, sudah mengenali antara satu sama lain sejak 17 tahun lalu.

"Saya sudah anggap jiran (Zaini) macam emak sebab dia menjaga dan melayan saya umpama anaknya malah sering belikan saya baju kurung.

"Saya dan anak-anaknya juga umpama adik-beradik, malah kami juga membela anak bongsunya (Siti Nur Aafiyah Zahirah, 5) yang tidak kekok memanggil emak (M Annakili) dan ayah saya (Raja), 'amma' dan 'appa' selain turut faham bahasa Tamil.

> **"Saya sudah anggap jiran macam emak sebab dia jaga dan layan saya macam anaknya"**
> Darsenee



DARSENEE (tiga kiri) dan tunang diapit ibu (dua kanan) serta jiran pada majlis pertunangannya.

"Selain itu, kedua-dua keluarga kami turut menggunakan wifi sama dengan berkongsi bayaran bulanan, malah kami bebas keluar masuk antara dua rumah dan ambil apa saja yang diperlukan," katanya.

Katanya, kedua-dua keluarga juga saling hormat menghormati antara satu lain dan tidak kekok berkongsi makanan sama serta melakukan pelbagai rutin harian bersama.

"Mereka suka makan vadai, tosai, kari dal dan kari ayam yang emak saya masak, malah kami sekeluarga juga, suka makan masakan mereka seperti lemang, rendang dan ayam masak merah.

"Emak saya juga pandai memasak masakan Melayu kerana dia belajar dengan jiran saya selepas selalu membantunya mengusahakan katering.

"Selain mereka, keluarga kami juga rapat dengan jiran lain kerana mereka selalu bercucuk tanam dan keluar berjalan bersama emak saya," katanya.

Berkaitan majlis pertunangannya yang berlangsung di rumahnya di Linggi, Port Dickson, Negeri Sembilan, anak tunggal itu berkata, memang setiap kali perayaan mahupun majlis keluarga, jiran tetangga hadir memeriahkan suasana dan membuat persiapan bersama.

"Seperti pertunangan saya, kami pun tidak sangka boleh tular kerana aktiviti rewang seperti ini memang sudah biasa kami buat sama-sama sejak dulu lagi.

"Majlis ini juga kami putuskan bersama seperti hendak buat macam mana, termasuk pemilihan pelamin, saya bersiap dari rumah jiran dan sebagainya.

"Saya bersyukur dikelilingi jiran tetangga yang baik, malah saya berterima kasih majlis saya berjalan lancar berkat muafakat mereka yang bertungkus lumus menyiapkan makanan, tempat, pelamin serta mengemas selepas majlis selesai," katanya.



IBU Darsenee (kiri) bersama jiran tetangga yang membantu menguruskan majlis pertunangan anaknya.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | IBU PASANG KASET TARANUM | | |
| HARI : | SELASA | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 06 JUN 2023 | M/SURAT : | 18 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Ibu pasang kaset taranum

## *Johan Tilawah al-Quran Negeri Sembilan 2023 dari kecil diperdengar ayat suci*

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

**Nilai**

Sejak kecil setiap malam sebelum tidur atau ketika dalam perjalanan ke mana-mana destinasi, ibunya akan memasang kaset bacaan taranum ayat suci al-Quran yang akhirnya menarik minat dan memupuk kemahirannya mengaji.

Malah, ketika menginjak usia empat tahun, Nadhrah Ahmad Marzuki, 23, mula mendalami ilmu tajwid memandangkan bapanya, Ahmad Marzuki Abdul Kadir, 49, seorang yang tegas dalam bab berkenaan.

Hasilnya anak kelahiran Dungun, Terengganu ini muncul johan Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Sembilan 2023 pada 24 Mei lalu, sekali gus melayakkannya mewakili negeri berkenaan ke Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran Peringkat Kebangsaan 2023 bermula 11 hingga 16 Jun depan.

Menceritakan minatnya terhadap ilmu taranum dan bacaan al-Quran, Nadhrah berkata, ibunya, Nor Asiah Ali, 40, dan ahli keluarga sebelah ibu memang aktif menyertai pertandingan tilawah al-Quran.

"Ketika kecil, ibu memasang kaset taranum bacaan ayat al-Quran ketika mahu tidur sehingga saya dan adik terlelap. Ibu lakukannya setiap malam.

"Malah, jika ke mana-mana destinasi, ketika dalam kereta memang ibu dan ayah memasang bacaan al-Quran. Kami memang tidak mendengar radio atau lagu," katanya.




NADHRAH mendapat johan di Pertandingan Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Sembilan 2023.

Anak sulung daripada lima beradik itu berkata, seawal usia 10 tahun, dia sudah menyertai majlis tilawah di sekolah rendah dan ketika masuk ke sekolah menengah, dia menyertai pertandingan tilawah sebanyak lima kali.

"Pada 2018, saya mewakili Selangor bagi kategori pelajar sekolah ke peringkat kebangsaan dan mendapat johan.

"Pada tahun sama, saya menyertai pertandingan peringkat negeri di Terengganu atau kategori dewasa dan mendapat tempat ketiga.

"Tahun seterusnya saya masuk pertandingan peringkat negeri di Terengganu (2019), Selangor (2020-2021) dan di Negeri Sembilan pada tahun ini sebelum muncul johan.

> *"Jika ke mana-mana destinasi, ketika dalam kereta memang ibu dan ayah memasang bacaan al-Quran. Kami memang tidak mendengar radio atau lagu"*
>
> **Nadhrah**

"Ibu pula mendapat naib johan bagi pertandingan peringkat negeri di Terengganu. Jika ibu muncul johan, mungkin kami akan 'bertembung' di pertandingan peringkat kebangsaan di Pulau Pinang nanti," katanya.

Pelajar jurusan Pengajian Quran dan Sunnah di Universiti Islam Malaysia, Nilai, di sini, ini berkata, bapa saudaranya, Ustaz Tirmizi Ali mendapat pencapaian paling tinggi dalam keluarga apabila muncul johan pada pertandingan peringkat antarabangsa pada 2014.

"Didikan ibu dari kecil, ketegasan bapa dan kejayaan ahli keluarga memberi inspirasi serta menanam minat saya yang mendalam terhadap seni bacaan al-Quran," katanya yang kini menetap di Kajang, Selangor.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KES HFMD NAIK 1.3 KALI GANDA | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 06 JUN 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kes HFMD naik 1.3 kali ganda

**Johor Bahru:** Pusat penjagaan kanak-kanak di negeri ini diminta meningkatkan langkah berjaga-jaga susulan kes Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD) naik 1.3 kali ganda pada minggu epidemiologi ke 22 berbanding sebelumnya.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri Johor, Ling Tian Soon berkata secara keseluruhan, kumulatif kes HFMD di negeri ini menunjukkan sebanyak 1,656 kes dan Johor Bahru mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu 607 kes.

Diikuti Tangkak (204 kes), Kota Tinggi (167 kes), Batu Pahat (144 kes), Kluang (136 kes), Segamat (121 kes), Pontian (104 kes), Kulai (101 kes), Muar (67 kes) dan Mersing (lima kes).

"Di Johor, kebanyakan kes HFMD berlaku dalam kalangan kanak-kanak berumur 0-6 tahun iaitu sebanyak 1,293 kes, diikuti oleh kumpulan umur 7-12 tahun iaitu sebanyak 202 kes, dan selebihnya adalah berumur lebih daripada 13 tahun.

"Sehingga tempoh itu sebanyak lima wabak aktif HFMD dilaporkan di negeri Johor. Lokasi penularan membabitkan tadika 26 wabak, taska (enam), pusat jagaan harian (lima), prasekolah (tiga), rumah persendirian (dua) dan sekolah rendah (satu)," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Jelas Tian Soon, HFMD disebabkan Enterovirus dengan majoriti kes disebabkan Coxsackie Virus A16 dan Enterovirus 71 (EV71) yang merebak secara kontak dengan air liur, cecair lepuh (blister) dan najis pesakit.

"Kebiasaan jangkitan adalah ringan dengan gejala demam diikuti ruam melepuh pada tangan, kaki, mulut dan lidah. Hampir keseluruhan pesakit yang menghidap penyakit HFMD pulih tanpa rawatan dalam masa tujuh ke 10 hari," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | OPAN TETAP AKTIF TANPA TULANG PUNGGUNG | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 06 JUN 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



ABDULLAH Haufan Hazza yang lebih mesra disapa Opan dilahirkan tanpa tulang punggung dan tidak boleh berjalan.

# Opan tetap aktif tanpa tulang punggung

**Kuala Lumpur:** Abdullah Haufan Hazza Hanafi yang kini berusia dua tahun tiga bulan, tetap aktif biarpun dia dilahirkan tanpa tulang punggung sehingga menyebabkannya tidak mampu berjalan.

Abdullah Haufan Hazza yang lebih mesra disapa Opan juga mengalami masalah membuang air kecil dan sembelit serta kaki bengkok atau *congenital talipes equinovarus (CTEV)*.

Selain itu, kanak-kanak lelaki berkenaan turut diuji apabila disahkan menghidap penyakit buah pinggang tahap satu.

Ibunya, Che Mastura Che Abdullah, 33, berkata, anak bongsu daripada dua beradik berkenaan disahkan menghidap *sacral agenesis* atau caudal regreession syndrome ketika kandungannya itu berusia 26 minggu.

Menurutnya, pembentukan tulang bahagian belakang anaknya hanya separuh saja dan tidak sampai ke bahagian punggung namun anaknya mempunyai tulang kaki.

"Doktor beritahu yang Opan akan lumpuh seumur hidup dan ketika ini, dia hanya mengengsot saja. Doktor juga tidak galakkan dia berjalan sangat (walaupun dibantu).

"Ini kerana, tulang pinggul daripada kaki sehingga ke paha tiada soket. Jika kerap bergerak atau berdiri, bila-bila masa tulang kakinya boleh terkeluar.

"Penyakit ini jarang jumpa dan doktor ada beritahu, kes seumpama ini hanya satu dalam 1,000 kelahiran. Di Malaysia, ada pesakit seperti ini tetapi tidak ramai berbanding di luar negara," katanya.

> "Jika kerap bergerak atau berdiri, bila-bila masa tulang kakinya boleh terkeluar
> Che Mastura

Menurut Che Mastura, anaknya juga perlu mengambil ubat pencair najis bagi memudahkannya membuang air besar malah Opan juga perlu dibantu untuk proses itu selain turut mengalami masalah buang air kencing.

"Opan masih menjalani pemeriksaan berkala di hospital.

"Walaupun tidak boleh berjalan, Opan akan mengengsot, ada kalanya kakinya luka akibat terkena simen kasar. Saya dan suami (Hanafi Osman, 36) kawal pergerakannya kerana Opan sangat aktif," katanya yang menumpang sementara di rumah ibunya di Jengka 21, Jengka, Pahang.

Kata Che Mastura, ada kalanya terdetik rasa sedih apabila melihat Opan mahu bermain di luar seperti kakaknya yang berusia sembilan tahun.

Namun, ia tidak dapat ditunaikan kerana ia mendatangkan risiko terhadap kanak-kanak berkenaan.

"Apabila kakaknya bermain di luar, Opan akan melihat saja di pintu dengan riak wajah sedih, saya tahu dia juga mahu bermain di luar.

"Paling buat saya sedih apabila Opan kerap menunjuk kaki sepupunya yang baru pandai berjalan sambil memegang kakinya dan memanggil saya seolah-olah beritahu yang dia juga mahu berjalan," katanya.

Che Mastura berkata, dia tidak jemu berdoa dan berharap yang satu hari nanti, Opan juga dapat berjalan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BODY OF MAN WHO TRIED TO RESCUE DROWNING SISTER FOUND | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMS |
| TARIKH | : | 06 JUN 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

BAGAN LALANG TRAGEDY

# Body of man who tried to rescue drowning sisters found

**SEPANG:** A man who was reported missing after a failed attempt to save two sisters from drowning at Pantai Bagan Lalang, here, was found dead on Sunday.

Sepang Fire and Rescue Department Assistant Superintendent Mohd Bukhari Md Shahar said the body of Mohd Faizal Mahasan, 30, was found at 9.35am.

"The body was found 500m from the location of the incident.

"The body has been sent to Serdang Hospital."

On Saturday, Selangor Fire and Rescue Department director Wan Md Razali Wan Ismail said two sisters, aged 7 and 9, drowned at Pantai Bagan Lalang here, and a 30-year-old man was missing.

It is understood that the man had tried to rescue the children when they were swept away by strong currents at the beach.

The remains of the children were found some 50m from where they were reported missing.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NO SHAME IN ASKING FOR HELP, PERYATIM CEO TELLS NEEDY FAMILIES | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 06 JUN 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# No shame in asking for help, Peryatim CEO tells needy families

Nur Shazreena Ali



Mohamad Salleh (front, sixth right) and other guests join the children of Laila Taib Welfare Complex in Kuching in a group photo.

**KUCHING:** There should never be any shame in asking for help, especially when there are viable channels that can provide access to those in need of assistance and support.

This is the message that Sarawak Orphans Welfare Board (Peryatim) chief executive officer Mohamad Salleh Hamden wants to convey to the local community.

He revealed that there are families who regard sending their children to Peryatim as 'something to be ashamed of'.

"This is true, despite the many success stories of children who used to be under Peryatim care. Many (families) still subscribe to the idea that reaching out for help from any welfare organisations is seen as an act that brings disgrace to them.

"Many families refuse to send the children here because they view such as 'buka aib' (exposing bad things) even when they know that they cannot afford to provide proper care to the children.

"Taking care of orphans and children from disadvantaged situations is a shared responsibility of a community.

"So, I call upon the public out there to spread the word about the existence of this (Peryatim) complex," he told The Borneo Post when met after the launch of the 'SPM-Peryatim Preparation Intensive Tuition Programme 2023' at Laila Taib Welfare Complex here on Sunday night.

According to Mohamad Salleh, Peryatim not only provides food and shelter to children from disadvantaged groups, but also strives to provide them with good education.

In this regard, he said the board had put in place many facilities meant to raise the quality of education such as establishing a 'Computer Classroom' for them to upgrade the children's knowledge in information and communication technology (ICT), as well as providing extra learning sessions to help them excel in their academics.

Peryatim had also been collaborating with Pusat Tuisyen Terbilang for many years, he added.

"These programmes and also access to the facilities are vital, as they will motivate the children to further improve themselves and break the vicious poverty cycle, through education.

"We, at Peryatim, always remind the children to strive for a good education and knowledge so that they can improve their lives."

Adding on, Mohamad Salleh hailed Peryatim as being instrumental in helping to transform the lives of the children under its care.

"Many Peryatim children, who had once lived in poverty, now have succeeded in life. Some have gone on to become engineers and lawyers, and many are graduates in various fields."

Moreover, he said Peryatim's assistance was never limited to only Muslim children.

"The children in Peryatim hostels across Sarawak come from different religious and ethnic backgrounds. There are families who are unable to take care of their children, grandchildren, nieces or nephews. They can send the children to Peryatim. During the school holidays, the children can return to their families.

"This Gawai season, for example, many of the children under our care went back to celebrate the occasion with their families," he added.

It is informed that Peryatim Complex Kuching can accommodate up to 150 children but at the moment, it houses 67 children.

"The number went down after Covid-19 broke out. In 2019, there were 123 children living here, but now, we only have 67 children," said Mohamad Salleh.

Still, he believed that there were many underprivileged children out there who needed their help.

"They cannot go to school because their families are struggling financially," he said.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TYT WIFE PRESENTS CONTRIBUTIONS TO 60 UNDERPRIVILEGED INDIVIDUALS | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 06 JUN 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# TYT wife presents contributions to 60 underprivileged individuals

**MIRI:** The Yang di-Pertua Negeri Sarawak's wife Toh Puan Datuk Patinggi Raghad Kurdi Taib brought smiles to some 60 underprivileged individuals during the 'Majlis Jalinan Kasih 2023' charity event at Miri Marriot Resort & Spa yesterday.

Organised by the Astana, the recipients comprised the poor folks, individuals with disability and single mothers from Bekenu and Lambir areas.

The handing-over of donations was held in connection with the state-level birthday celebration of the Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, as well as the Gawai Dayak festival.

During the event, Raghad presented cash contributions and food baskets to the recipients.



Raghad (seated, centre) and guests in a photo-call with the recipients. — Information Department photo

The event was also attended by Deputy Minister I of Women, Childhood and Community Wellbeing Development Datuk Rosey Yunus; Deputy Minister II of Youth, Sport and Entrepreneur Development Dr Ripin Lamat; Datin Ester Balan; and Miri District Officer Siti Rohanie Yusof.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BODY OF MAN WHO TRIED TO RESCUE TWO GIRLS RECOVERED | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 06 JUN 2023 | M/SURAT | : | 15 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Body of man who tried to rescue two girls recovered

**SEPANG:** Police have recovered the body of a man who was swept away while trying to rescue two siblings in Sungai Sepang Kechil here.

Sepang OCPD Asst Comm Wan Kamarul Azran Wan Yusof said the body of Muhammad Faizal Mahasan, 29, was found near a resort around 9.30am yesterday.

"The body was sent to Hospital Serdang for post-mortem," he said yesterday.

On Sunday, two siblings, aged seven and nine, drowned at Sungai Sepang Kechil here.

Muhammad Faizal managed to pull the elder sibling out of the water and went back for the younger girl.

But he was swept away and disappeared.

Selangor Fire and Rescue Department Wan Md Razali Wan Ismail said the elder girl died at the scene while her younger sister's body was retrieved some 50m away.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | INCREASE IN HFMD CASES IN JOHOR | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 06 JUN 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Increase in HFMD cases in Johor

**JOHOR BAHRU:** The number of hand, foot and mouth disease (HFMD) cases in Johor has increased to 320 cases during the 22nd epidemiological week from May 28 to June 3, compared with the previous week.

State Health and Unity Committee chairman Ling Tian Soon said the cumulative number of HFMD cases in the Johor Bahru district was the highest at 607, followed by Tangkak with 204, Kota Tinggi with 167 and Batu Pahat with 144. Kluang had 136, Segamat posted 121, Pontian had 104, Kulai registered 101, while Muar had 67 and Mersing recorded five cases.

"Some 1,293 HFMD cases occurred among children aged six and below, while children aged between seven and 12 accounted for 202 and those over 13 years old made up the balance."

He said HFMD cases in the state were found at 26 kindergartens, six nurseries and five daycare centres, while preschools accounted for three of the outbreak locations, private homes accounted for two, with one primary school involved.

Ling urged residents in Johor to take necessary preventive measures to stop the spread of the disease.

"Parents are advised not to take children with symptoms to crowded public places, such as swimming pools, markets, shopping centres and bus stations."
– Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DSITKS BERI AKSES PENDIDIKAN, PERKHIDMATAN KESIHATAN AWAM | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 06 JUN 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# DSITKS beri akses pendidikan, perkhidmatan kesihatan awam

## Dokumen Sementara Individu Tanpa Kewarganegaraan di Sarawak boleh diguna untuk masuk sekolah, dapat perkhidmatan kesihatan

Oleh Mohamad Norhadie Sahari

**MIRI: Resit atau Dokumen Sementara Individu Tanpa Kewarganegaraan di Sarawak (DSITKS) yang dikeluarkan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) boleh digunakan untuk kemasukan ke sekolah dan mendapat perkhidmatan kesihatan.**

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, pengeluaran DSITKS adalah pelengkap kepada arahan Menteri Dalam Negeri Malaysia Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail untuk menggunakan resit permohonan kewarganegaraan menurut Perkara 15A, Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

"Melalui DSITKS yang dikeluarkan oleh JPN, ia membolehkan kanak-kanak tanpa warganegara untuk kemasukan ke sekolah dan mendapat perkhidmatan kesihatan di klinik yang disediakan oleh kerajaan di Sarawak," katanya pada Majlis Penyerahan DSITKS Bahagian Miri semalam.

Fatimah berkata, melalui DSITKS yang dikeluarkan oleh Kerajaan Sarawak, sekolah dan klinik awam mampu mendapat maklumat tentang pemegang dalam bentuk satu instrumen yang padat dan telah diluluskan oleh Jabatan Premier Sarawak.

"Mereka yang layak dikeluarkan dengan DSITKS adalah individu/kanak-kanak yang dilahirkan di Sarawak, di mana salah seorang daripada ibu bapa kandung mereka adalah warganegara Malaysia pemastautin Sarawak.

"Selain itu, memiliki sijil lahir yang didaftarkan di Sarawak serta berstatus warganegara yang belum ditentukan dan sudah memohon kewarganegaraan Malaysia menurut Perkara 15A, Perlembagaan Malaysia serta berumur 21 tahun ke bawah," katanya.

Menurutnya, tempoh yang disasarkan bagi pengeluaran DSITKS adalah 37 hari bekerja manakala tempoh sah laku pula adalah selama dua tahun dari tarikh kelulusan pengeluarannya.

Sebagai peringatan, DSITKS adalah bertujuan khusus untuk memberi individu berkaitan akses kepada pendidikan dan perkhidmatan kesihatan awam di Sarawak.

"DSITKS bukanlah satu dokumen kewarganegaraan atau janji untuk pemberian kewarganegaraan Malaysia," tegasnya.

Ia adalah hasil satu kajian bertajuk 'A Comprehensive Study on the Causative Factors Leading to Stateless Children in Sarawak' yang dikendalikan oleh Majlis Pembangunan Sosial Sarawak (MPS) dengan kerjasama kumpulan penyelidik daripada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada tahun 2021.

"'Stateless' berpunca daripada hasil perkahwinan yang tidak didaftarkan, pengangkatan atau penyerahan anak warga asing yang tidak didaftarkan dan ibu kandung bukan warganegara sudah meninggalkan mereka," jelasnya.

Selain itu, ibu bapa hanya mendaftarkan berkahwin selepas anak dilahirkan, ibu bapa telah bercerai dan tidak pernah mendaftarkan kelahiran anak, ibu bapa tidak mendaftar kelahiran anak kerana kedudukan geografi yang sukar di pedalaman dan ditempatkan di institusi kanak-kanak milik Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak (JKMNS).

Dalam proses pelaksanaan inisiatif pengeluaran DSITKS ini, kementerian juga berpeluang memberi kesedaran kepada para pemohon yang tidak layak supaya memohon kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan.

Di samping itu, mendaftarkan kelahiran anak, mendaftarkan pengangkatan anak secara teratur dan mendaftar perkahwinan dengan warga asing.

Antara 1 November 2022 hingga 31 Mei 2023, sebanyak 608 permohonan bagi DSITKS telah diterima.

Daripada jumlah ini, sebanyak 209 permohonan atau 34 peratus memenuhi syarat manakala 399 permohonan (66 peratus) tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.

Sebanyak 86 permohonan yang memenuhi syarat telah mendapat kelulusan bagi kumpulan pertama oleh Jabatan Premier Sarawak pada 24 Februari 2023.

Daripada jumlah tersebut pula, sebanyak 11 orang penerima DSITKS sudah mendapat kelulusan status kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 15A, Perlembagaan Persekutuan oleh Menteri Dalam Negeri Malaysia pada 9 Mac 2023.

Seterusnya pada 30 Mei 2023, sebanyak 60 permohonan yang memenuhi syarat telah mendapat kelulusan bagi kumpulan kedua oleh Jabatan Premier Sarawak.

Daripada jumlah tersebut 12 orang penerima adalah dari bahagian Miri iaitu 11 orang dari daerah Miri dan seorang dari daerah Subis.

Bagi menjayakan pengeluaran dan pemakaian DSITKS, KPWK berkolaboratif dengan Pejabat Residen dan Pejabat Daerah serta agensi-agensi rakan strategik utama iaitu Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Kesihatan Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia, Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Sarawak dan Unit Pentadbiran di Jabatan Premier Sarawak.

Kementerian juga bekerjasama dengan semua pihak sehingga ke peringkat akar umbi, terutama ketua masyarakat dan ketua kaum, Pejabat Pendidikan Daerah dan klinik kesihatan di seluruh Sarawak.

"Inisiatif pengeluaran DSITKS kepada kepada kanak-kanak tanpa kewarganegaraan yang layak adalah manifestasi komitmen Kerajaan Sarawak terhadap agenda sejagat, khususnya Universal Declaration of Human Rights 1948, United Nations Convention on the Rights of the Child (UNCRC) 1989, and Sustainable Development Goals (SDG) 2030," jelasnya.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak Datuk Rosey Yunus, Timbalan Menteri Kesejahteraan Komuniti Mohammad Razi Sitam, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Datu Buckland Bangik serta tetamu kenamaan lain.



**TERIMALAH:** Fatimah sambil disaksikan Rosey serta yang lain menyerahkan dokumen DSITKS kepada salah seorang penerima di Miri, semalam.

> "Melalui DSITKS yang dikeluarkan oleh JPN, ia membolehkan kanak-kanak tanpa warganegara untuk kemasukan ke sekolah dan mendapat perkhidmatan kesihatan di klinik yang disediakan oleh kerajaan di Sarawak."
>
> **Dato Sri Fatimah Abdullah**
> *Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti*

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | IBU BAPA SOKONG PELAJAR DIDIDIK CUCI TANDAS | | |
| HARI : | SELASA | AKHBAR : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH : | 06 JUN 2023 | M/SURAT : | 04 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Ibu bapa sokong pelajar dididik cuci tandas

## Rata-rata warga media sosial setuju dengan saranan PM, senarai pelbagai manfaatnya

Oleh Hafizah Abdul Hamid

**KUCHING: Saranan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini agar para pelajar harus dididik sewajarnya untuk menjaga kebersihan tandas sekolah dengan mencuci sendiri kemudahan tersebut mencetuskan pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat.**

Rata-rata daripada warga media sosial bersetuju dengan saranan tersebut dan menyenaraikan pelbagai manfaat serta kesan positif yang bakal diperoleh anak muda sekiranya mereka diberi tanggungjawab melaksanakan tugas sedemikian di sekolah.

Malah, ada yang menyokong saranan itu dengan menyatakan tugas sebegitu merupakan lumrah atau perkara biasa di sekolah suatu ketika dahulu.

Tidak kurang juga yang menjelaskan bahawa sistem sedemikian telah diterapkan di negara-negara luar yang maju umpamanya di Jepun, sebagai usaha mendidik golongan muda agar mempunyai rasa tanggungjawab, selain membentuk mereka menjadi insan cemerlang pada masa akan datang.

Ibu kepada seorang anak lelaki, Benaffy Rosta Shaelabo, 32, antara yang bersetuju dengan saranan Perdana Menteri berkata, dengan mengambil tanggungjawab menjaga kebersihan tandas, para pelajar secara tidak langsung akan memahami betapa pentingnya aspek kebersihan dan kesihatan.

"Saya berpendapat ia merupakan satu langkah yang penting dan sesuai dilaksanakan berikutan ia berupaya mendidik para pelajar untuk mempunyai sikap bertanggungjawab bukan sahaja terhadap tandas, malah terhadap persekitaran sekolah.

"Mereka juga akan belajar untuk membersihkan tempat mahupun kemudahan yang mereka gunakan setiap hari.

"Ia juga akan membantu memastikan persekitaran yang bersih, selamat dan selesa terutama bagi semua pengguna tandas di sekolah," ujar wanita yang bekerja sebagai eksekutif pentadbiran itu kepada Utusan Borneo.

> "Saya berpendapat ia merupakan satu langkah yang penting dan sesuai dilaksanakan berikutan ia berupaya mendidik para pelajar untuk mempunyai sikap bertanggungjawab bukan sahaja terhadap tandas, malah terhadap persekitaran sekolah."
>
> **Benaffy Rosta Shaelabo**
> *Ibu*

Pesara pensyarah perubatan Abang Junaidi Abang Gom, 66, bersetuju dengan pendapat Benaffy namun untuk merealisasikan langkah tersebut katanya, persepsi para pelajar sekolah yang sering menyatakan membersihkan tandas adalah tugas kotor dan menjijikkan perlu diperbetulkan terlebih dahulu.

Jelas bapa kepada sembilan anak itu, para pelajar perlu diingatkan mengenai kesan-kesan buruk sekiranya kemudahan itu tidak dijaga dengan baik dan dibiarkan kotor.

"Aktiviti membersihkan tandas sekolah bertujuan menjaga kebersihan demi menjamin kesihatan para pelajar sendiri, selain mengelakkan penularan penyakit berjangkit.

"Ingatlah kata-kata mutiara 'mencegah adalah lebih baik daripada merawat'", katanya.

Beliau juga menambah, pihak sekolah boleh membuat jadual bertugas secara bergilir-gilir membersihkan tandas sekolah sebelum waktu sekolah bermula dan selepas waktu kelas berakhir.

Betty Dam, ibu kepada lima anak berpendapat langkah berkenaan akan mendidik para pelajar bersikap empati serta tidak mementingkan diri sendiri.

"Dengan mencuci dan menjaga sendiri kebersihan tandas sekolah, para pelajar akan menyedari betapa sukarnya bagi pencuci tandas melaksanakan tugas seharian mereka di sekolah.

"Selain itu, ia juga mampu memberi kesedaran kepada masyarakat umum tentang pentingnya menjaga kebersihan tandas sekolah.

"Justeru, saya merasakan perkara itu wajar dilaksanakan," ujar suri rumah berusia 45 tahun tersebut.

Pendapat ini disokong Penghulu Ismail Samsudin Puteh, 51, yang berkata tugas membersihkan tandas akan membiasakan para pelajar merasai kesusahan dihadapi oleh mereka yang tidak bernasib baik.

"Di samping itu, para pelajar juga akan berasa biasa dan tidak kekok dalam mengerjakan amal kebajikan," katanya yang yakin bahawa tugas diberikan juga tidak akan mengambil masa yang terlalu lama, apatah lagi apabila dilakukan secara gotong-royong.



BETTY



ABANG JUNAIDI



ISMAIL



**SETUJU: Benaffy (kiri) bersama suami dan anaknya yang berusia empat tahun.**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ISTERI MAUT, SUAMI DAN ANAK CEDERA KEMALANGAN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 06 JUN 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Isteri maut, suami dan anak cedera kemalangan

**KUCHING:** Seorang wanita maut manakala dua lagi iaitu suami dan anak mangsa mengalami kecederaan setelah motosikal dinaiki terlibat kemalangan di Jalan Ensengei, Kota Samarahan malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kota Samarahan DSP Brodie Brangka berkata, kemalangan yang berlaku sekitar jam 8.20 malam itu membabitkan dua kenderaan iaitu motosikal dan sebuah kereta.

Menurutnya, siasatan awal mendapati penunggang motosikal berusia 45 tahun bersama isteri berusia 38 tahun dan anak mereka bergerak dari Asajaya hendak balik ke rumah di Kampung Seniawan.

"Ketika kejadian, semasa bergerak lurus, motosikal dinaiki mereka dipercayai dilanggar dari arah belakang oleh kereta yang juga bergerak dari Asajaya menuju ke arah Kampung Seniawan," katanya dalam satu kenyataan semalam.



**REMUK: Keadaan kenderaan selepas terlibat dalam kemalangan di Jalan Ensengei, Kota Samarahan kelmarin.**

Jelas Brodie, akibat kemalangan itu, penunggang dan kedua-dua pembonceng dibawa ke Pusat Jantung, Kota Samarahan untuk menerima rawatan.

"Namun pembonceng wanita disahkan meninggal dunia akibat kecederaan dalaman semasa menerima rawatan di fasiliti berkenaan.

"Penunggang motosikal terbabit mengalami kecederaan parah di kepala dan seorang lagi pembonceng iaitu anaknya berusia lima tahun mengalami kecederaan patah kaki," katanya sambil menambah, pemandu kereta iaitu lelaki tempatan berusia 33 tahun tidak mengalami kecederaan.

Ujar Brodie, kes masih dalam siasatan dan akan disiasat di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | USAHA TARIK MINAT KANAK-KANAK MEMBACA PERLU LEBIH KREATIF: NANCY | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 06 JUN 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**PELANCARAN: Nancy menyempurnakan Majlis Pelancaran Buku Puisi Ganjil Satu ketika di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTC), semalam.** — Gambar Bernama

# Usaha tarik minat kanak-kanak membaca perlu lebih kreatif: Nancy

**KUALA LUMPUR:** Usaha untuk menarik minat membaca dalam kalangan anak-anak harus dilakukan dengan cara lebih kreatif, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata ini perlu bagi menggalakkan kanak-kanak memilih bahan bacaan sebagai sumber maklumat utama berbanding media sosial supaya mereka belajar untuk berfikir.

"Pandangan saya secara peribadi adalah kita perlu lebih kreatif untuk mencari jalan bagaimana menarik minat anak-anak untuk membaca dan apa yang diminati mereka dalam bahan bacaan.

"Adakalanya terdapat juga buku-buku kartun yang membawa kepada pemikiran kreatif dan kritikal yang memerlukan pembacanya sama ada kanak-kanak atau siapa sahaja untuk berfikir," katanya kepada pemberita di sini kelmarin.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pelancaran Buku Puisi Kumpulan Puisi: Puisi Ganjil: SaTU! karya Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2023.

Terdahulu Nancy dalam ucapannya berkata penerbitan buku dalam industri buku tempatan masih tidak mencapai sasaran yang ditetapkan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) bagi negara maju iaitu satu peratus berbanding jumlah penduduk.

"Ini bermakna negara seharusnya menerbitkan 30,000 judul buku memandangkan penduduk Malaysia telah mencecah lebih 30 juta orang.

"Namun pada 2020 sebanyak 15,080 judul buku diterbitkan manakala pada 2021 sebanyak 13,655 judul buku diterbitkan… ini menunjukkan jumlah buku yang diterbitkan masih jauh dari sasaran sebenar bagi sebuah negara maju," katanya.

Justeru Nancy berkata peranan menulis buku sewajarnya tidak hanya terhad kepada ahli akademik atau penulis karyawan semata-mata sebaliknya orang ramai termasuk tokoh korporat juga boleh terlibat dalam penghasilan buku dan karya sastera.

"Hal ini tidak mustahil kerana apa yang telah dilakukan Tan Sri Hamad Kama Piah yang merupakan seorang tokoh korporat namun dalam kesibukan tugas hariannya, beliau berjaya menulis buku atau karya berkualiti untuk tatapan umum.

"Bidang sastera seharusnya terus menjadi relevan dalam membentuk ketamadunan bangsa bagi aspek pembinaan minda yang akhirnya akan menghasilkan peradaban manusia," katanya. — Bernama